

Kerajaan negeri diminta bertindak proaktif lindungi hutan paya bakau

# Jangan musnahkan alam sekitar

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan negeri diminta memainkan peranan proaktif untuk memastikan alam sekitar tidak terjejas walaupun terdapat aktiviti pembangunan yang mahu dilaksanakan di peringkat negeri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya bimbang dengan kemusnahan alam sekitar yang diakibatkan oleh pembangunan yang diluluskan oleh kerajaan negeri.

Beliau memberi contoh projek akuakultur yang dirancang di kawasan seluas 200 hektar di hutan paya bakau Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang bakal memusnahkan hutan paya bakau di kawasan tersebut.

“Saya telah katakan (Jabatan Alam Sekitar) tidak akan luluskan Laporan Penilaian Kesan

Alam Sekitar (EIA) untuk projek itu maka kawasan itu tidak boleh diterokai dan pokok-pokoknya jangan ditebang.

“Kerajaan negeri perlu turut memainkan peranan dalam melindungi kawasan hutan itu berdasarkan arahan dan larangan kerajaan Pusat kerana penguatkuasaan di bawah kerajaan negeri,” katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.



Sidang  
Dewan Rakyat

Beliau menjawab soalan Annuar Abd. Manap (BN-Sekijang) yang mahu mengetahui langkah-

langkah yang diambil oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia untuk memulihara pokok-pokok dalam hutan daripada ancaman kepupusan.

*Kosmo!* pada 2 Mac lalu melaporkan rancangan sekumpulan individu untuk memusnahkan hutan paya bakau Alam Sekitar yang pernah menjadi benteng penghalang bencana tsunami untuk dijadikan projek akuakultur.



KERAJAAN negeri diminta melindungi kawasan paya bakau dengan tidak memusnahkannya demi kepentingan alam sekitar. – Gambar hiasan



KERATAN *Kosmo!* 2 Mac 2016.

Bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar menolak Terma Rujukan untuk Laporan EIA yang dikemukakan Persekutuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang bagi projek tersebut di hutan paya bakau itu.

## Kerajaan tidak rancang bubar 1MDB

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan tidak merancang untuk membubarkan syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) buat masa ini.

Kementerian Kewangan dalam jawapan bertulis berkata, 1MDB sentiasa memenuhi

# 1MDB

1Malaysia Development Berhad

komitmen pembayaran balik prinsipal dan faedah pinjaman dengan konsisten.

“1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda tinggi serta berinovasi.

“Antara pelaburan dijalankan 1MDB ialah Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia dan sektor tenaga,” kata Kementerian Kewangan di sini semalam.

Kementerian Kewangan menjawab soalan Dr. Ko Chung Sen (**DAP-Kapar**) berhubung 1MDB yang diedarkan di lobi Parlimen di sini semalam.